

08/01/2003

ASKB sambut baik cadangan kerajaan

KUALA LUMPUR: Amanah Saham Kedah Berhad (ASKB) menyambut baik cadangan kerajaan untuk mengkaji pelbagai mekanisme bagi menyelamatkan amanah saham negeri termasuk penubuhan jentera tujuan khusus (SPV).

Ahli Lembaga Pengarahnya, Aziz Desa, berkata usaha itu perlu bagi mengekalkan minat dan budaya melabur serta menabung di kalangan masyarakat, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Dalam satu kenyataan di sini, beliau berkata, ASKB mengambil masa yang agak lama untuk meyakinkan orang ramai khususnya petani, pekebun kecil dan badan tertentu seperti ahli jawatankuasa kariah masjid serta koperasi, untuk melabur dalam Amanah Saham Kedah (ASK).

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan mengkaji pelbagai mekanisme bagi menyelamatkan amanah saham negeri, termasuk penubuhan SPV bertujuan meminimumkan kerugian pelabur, kebanyakannya rakyat berpendapatan rendah.